

## KFH LIBSHARA ACCOUNT-i YEAR 7 DIGITAL CAMPAIGN'S TERMS AND CONDITIONS

### 1. Campaign

- 1.1. This Campaign commences at 00:00 on 26 February 2024 until 23:59 on 31 March 2024, inclusive of both dates ("Campaign Period") unless notified otherwise.
- 1.2. KFH Malaysia reserves its right and discretion to vary or amend the Campaign Period at any time with prior notice, without assigning any reason whatsoever.
- 1.3. By participating in the Campaign, participants agree to be bound by these Terms and Conditions outlined below.

### 2. Eligibility

- 2.1. The campaign is open to all new and existing individual customers aged 18 years and above, whom are resident and non-resident of Malaysia ("Customers"), opened new account or deposited a minimum of RM100 to KFH Libshara Account-i with a Promo Code.
- 2.2. For joint account, only the primary account holder will qualify to participate.
- 2.3. The employees of Kuwait Finance House Group ("KFH Group") including its directors, consultants, permanent employees, contract employees, and their immediate family members (i.e. spouse, children and parents) are NOT eligible to participate in KFH Libshara Account-i campaign.

### 3. Gift

- 3.1. The Campaign offers the below set of gift, while stocks lasts.

Set of Gift		Any one of the below
• Jute Bag	+	• Tumbler <b>OR</b>
• Tote Bag		• Phone Stand <b>OR</b>
• Foldable Auto Umbrella with Pouch		• USB 3in1

- 3.2. Gifts to be claimed by the principal account holder only, however a signed consent letter with account holder's full name and IC number together with the supporting documents for gift collection purposes only is required in the event of principal account holder unable to be present at branch.
- 3.3. Each account holder is entitled to receive a maximum of three (3) sets of gift throughout the Campaign Period, subject to meeting the individual deposit criteria below:

No of redemption	Minimum Deposits
1 <sup>st</sup> redemption	RM100
2 <sup>nd</sup> redemption	RM1,000
3 <sup>rd</sup> redemption	RM5,000

- 3.4. Gift received cannot be exchanged for any other prize / item / variant / color.

### 4. Qualifying Criteria

- 4.1. New to Bank Customers:
  - Open and deposit a minimum of RM100 with the Promo Code to KFH Libshara Account-i at any KFH Malaysia branches.
- 4.2. Existing Customers:
  - Deposits a minimum of RM100 to existing KFH Libshara Account-i through online transfer by entering the Promo Code at recipient reference during transfer **OR**
  - Deposit a minimum of RM100 to existing KFH Libshara Account-i with a Promo Code at any KFH branches.
- 4.3. The Bank shall not be held liable for any unsuccessful deposit performed or delay in posting for any reason whatsoever.
- 4.4. The Bank's record of details and date of transactions by the Account Holder shall be final and conclusive evidence, for eligibility to participate and any disputes or complaints shall not be entertained under any circumstances.
- 4.5. Any Account Holder who violate these Terms and Conditions herein, tamper with the operation of the Campaign, perpetrate fraud or abuse, or engage in any conduct that is seemed detrimental or unfair to the Bank, the Campaign or any other participant (in each case determined at the Bank's sole

discretion) are subject to disqualification from entry or participation in the Campaign. The Bank reserves the right to disqualify any Account Holder whose eligibility to participate in the Campaign is in question or who is otherwise ineligible to participate in the Campaign or enter into the Campaign, and to have the declared prize(s) for such Account Holder (s) be forfeited forthwith.

## 5. Declaration and Authorisation

- 5.1. By participating in this Campaign, all participants hereby agree to the following:
  - Provide consent for the Bank to publish their name and identity and any information that the Bank sees fit in any media, advertising or marketing materials including interviews, prize-giving or other publicity events arranged by the Bank; and
  - Grant the Bank the absolute and unrestricted right to modify, use and/or publish images of the participants for any marketing or commercial purpose without payment or compensation.
- 5.2. The Bank reserves the right to vary, delete or add to any of these Terms & Conditions contained herein wholly or in part and may terminate or extend the Campaign Period by giving at least a minimum of twenty-one (21) calendar days prior notice. The Bank may give such notice or communication to Eligible Account Holders through any modes or methods deem appropriate including without limitation by post, by notification in the mass media, by posting the notice at the Bank's branches, by inserting the notice into the periodic statement of account, by electronic transmission (including via mobile phones, other devices or the internet) or by posting a notice at the Bank's website or at ATM or other terminals under the control of the Bank. These Terms and Conditions can be accessed from the Bank's website at [kfh.com.my](http://kfh.com.my) and/or available on request from the Bank's branches or any other delivery channel of the Bank.
- 5.3. These Terms and Conditions shall prevail over any provisions or representations contained in any Campaign materials (including without limitation; printed posters or leaflets) or advertisements on this Campaign.
- 5.4. Decisions relating to this Campaign are final and binding on all Eligible Account Holders. If any matters arise which are not covered in these Terms and Conditions, they will be determined by the Bank at the Bank's sole discretion.
- 5.5. All other terms and conditions governing the CASA-i shall continue to apply.
- 5.6. For the avoidance of doubt, the exercise by the Bank of any of its foregoing rights shall not entitle any Account Holders or Winners to any Prize to claim or seek compensation against the Bank or any of its affiliates.
- 5.7. To the fullest extent permitted by applicable laws, the Bank offer no warranty or representation whatsoever, express, implied or statutory, in relation to the Campaign, the Prizes and services provided by the service providers including, but without limitation, the merchantable quality and fitness for purposes in respect of the Campaign's prizes and level of care and skill in respect of the relevant services.
- 5.8. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension of the Campaign by the Bank shall not entitle the participant(s) to claim or seek compensation against the Bank or any of its affiliates for any loss or damage suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
- 5.9. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Account Holders agree to submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

## KEMPEN “KFH LIBSHARA ACCOUNT-i YEAR 7 DIGITAL” TERMA dan SYARAT

### 1. Kempen

- 1.1. Kempen ini bermula pada 00:00 26 Februari 2024 hingga 23:59 31 Mac 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dimaklumkan sebaliknya.
- 1.2. KFH Malaysia berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa dengan memberi notis awal, tanpa memberi sebarang alasan/sebab.
- 1.3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di bawah.

### 2. Kelayakan

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu baru dan sedia ada KFH Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, pemastautin atau bukan pemastautin di Malaysia (“Pelanggan”).
- 2.2. Bagi pemegang akaun bersama Libshara-i, hanya pemegang akaun utama yang akan layak untuk mengambil bahagian.
- 2.3. Pekerja Kuwait Finance House Group (“Kumpulan KFH”) termasuk pengarah, perunding, pekerja tetap, pekerja kontrak dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak dan ibu bapa) TIDAK layak untuk menyertai kempen KFH Libshara-i.

### 3. Hadiah

- 3.1. Kempen ini menawarkan hadiah seperti yang dinyatakan di bawah, sementara stok masih ada.

Set Hadiah		Salah satu di bawah
• Beg Jute	+	• Tumbler <b>ATAU</b>
• Beg Tote		• Pemegang Telefon <b>ATAU</b>
• Payung Lipat Automatik Bersarung		• USB 3dalam1

- 3.2. Hadiah akan diberikan kepada pemenang akaun utama sahaja, walaubagaimanapun surat bertandatangan pemegang akaun utama beserta nama lengkap dan nombor kad pengenalan dan dokumen sokongan diperlukan sekiranya pemegang akaun utama tidak dapat hadir ke cawangan.
- 3.3. Setiap pemegang akaun utama layak menerima sehingga tiga (3) set hadiah sepanjang Tempoh Kempen, dengan memenuhi syarat deposit yang dinyatakan di bawah:

Penebusan	Deposit Minima
Penebusan Pertama	RM100
Penebusan Kedua	RM1,000
Penebusan Ketiga	RM5,000

- 3.4. Hadiah tidak boleh ditukar ke hadiah lain / jenis / varian / warna.

### 4. Kriteria Kelayakan

- 4.1. Pelanggan individu baru:
  - Buka akaun dan men deposit minima RM100 ke akaun KFH Libshara-i bersama Kod Promosi di mana-mana cawangan KFH Malaysia.
- 4.2. Pelanggan sedia ada:
  - Deposit minima RM100 ke akaun KFH Libshara-i sedia ada melalui berbanking atas talian dengan memasukkan Kod Promosi di “*Recipient Reference*” semasa membuat deposit.
  - Deposit minima RM100 ke akaun KFH Libshara-i sedia ada, di mana-mana cawangan KFH Malaysia dengan memberikan Kod Promosi.
- 4.3. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang transaksi yang tidak berjaya yang telah dilakukan, atau kelewatan dalam proses deposit untuk apa-apa alasan sekalipun.
- 4.4. Rekod butiran pada Bank dan tarikh transaksi oleh Pemegang Akaun adalah muktamad dan konklusif, kelayakan untuk mengambil bahagian dan sebarang pertikaian atau aduan tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan.
- 4.5. Mana-mana Pemegang Akaun yang layak yang melanggar Syarat dan Terma Kempen, mengganggu operasi Kempen, membuat penipuan atau penyalahgunaan, atau melibatkan diri dalam apa-apa

kelakuan yang dianggap memudaratkan atau tidak adil kepada Bank, Kempen atau mana-mana peserta yang lain (dalam setiap kes telah dipilih mengikut budi bicara mutlak Bank) berkemungkinan kehilangan kelayakan daripada kemasukan atau penyertaan dalam Kempen ini. Bank mempunyai hak untuk membatalkan mana-mana Pemegang Akaun yang layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini di mana kelayakannya dipersoalkan atau tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini atau menyertai Kempen ini, di mana Hadiah yang diisytiharkan untuk Pemegang Akaun tersebut akan terlucut hak dengan serta-merta.

## 5. Pengisytiharan dan Kebenaran

- 5.1. Dengan menyertai Kempen ini, semua peserta hendaklah bersetuju dengan perkara-perkara yang berikut:
  - Memberikan persetujuan kepada Bank untuk menyiarkan nama dan identiti mereka dalam mana-mana media, pengiklanan atau pemasaran bahan-bahan termasuk wawancara, pemberian Hadiah atau acara publisiti lain yang diatur oleh Bank.
  - Bank mempunyai hak mutlak dan tidak terhad untuk mengubah suai, menggunakan dan / atau menerbitkan imej peserta bagi apa-apa tujuan pemasaran atau komersial tanpa bayaran atau pampasan.
- 5.2. Pihak Bank mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini keseluruhannya atau sebahagiannya dan boleh menamatkan atau melanjutkan Tempoh Kempen dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari kalendar. Bank boleh memberi notis atau komunikasi tersebut kepada Pemegang Akaun yang Layak melalui apa-apa cara atau kaedah yang difikirkan sesuai termasuk tanpa had melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, dengan menyiarkan notis itu di cawangan-cawangan Bank, dengan memasukkan notis itu ke dalam penyata akaun berkala, melalui penghantaran elektronik (termasuk melalui telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau dengan memaparkan notis di laman sesawang Bank atau di ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank. Terma dan Syarat ini boleh didapati di laman sesawang Bank di [kfh.com.my](http://kfh.com.my) dan / atau disediakan atas permintaan dari cawangan Bank atau mana-mana saluran penyampaian lain Bank.
- 5.3. Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan promosi (termasuk tanpa had poster dicetak atau risalah) atau iklan di Kempen ini.
- 5.4. Keputusan yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pemegang Akaun yang layak. Jika ada apa-apa perkara berbangkit yang tidak termaktub di dalam Terma dan Syarat ini, ianya akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlak Bank.
- 5.5. Kecuali untuk Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di sini, semua terma dan syarat lain yang berkaitan CASA-i lain hendaklah terus digunapakai.
- 5.6. Bagi mengelakkan keraguan, pelaksanaan mana-mana hak tersebut di atas oleh Bank tidak melayakkan mana-mana Pemegang Akaun atau Pemenang untuk menuntut sebarang Hadiah atau mendapatkan pampasan terhadap Bank atau mana-mana sekutunya.
- 5.7. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak menawarkan jaminan atau perwakilan sekalipun, secara nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Kempen, Hadiah dan perkhidmatan yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti yang boleh diperdagangkan dan kesesuaian untuk tujuan berkenaan dengan Kempen Hadiah dan tahap penjagaan dan kemahiran berkenaan dengan perkhidmatan yang berkaitan.
- 5.8. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen oleh Bank tidak memberi hak kepada peserta untuk menuntut atau mendapatkan pampasan terhadap Bank atau mana-mana sekutunya terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantung.
- 5.9. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.